

# MBMB perkasa agenda bandar pintar

Mohd Faiz Abu Hasan

**BANDA HILIR** - Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) komited akan terus mengaplikasikan lebih banyak penggunaan teknologi maklumat (ICT) dan membudayakan inovasi dalam memberikan perkhidmatan berkualiti kepada pengguna.

Datuk Bandar MBMB, Datuk Shadan Othman berkata, sasaran itu adalah selaras dengan anugerah penarafan tahap pertama iaitu sebagai Smart City Early Adopter diterima menerusi program Penarafan Bandar Pintar Malaysia, baru-baru ini.

Menurut Shadan, penganugerahan itu adalah berdasarkan kepada pelbagai inisiatif diwujudkan dalam kawasan pentadbiran MBMB yang menyentuh aspek pembangunan teknologi, ICT dan inovasi.

Jelasnya, ia merupakan salah satu pencapaian tertinggi dan berhasrat akan terus memastikan kriteria yang diperlukan dalam program itu diperluaskan bagi mencapai tahap sebagai sebuah bandaraya pintar di Melaka.

"Kebanyakan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Malaysia telah



menerima pengiktirafan ini dan di Melaka hanya MBMB serta Majlis Perbandaran Alor Gajah dinobatkan menerima anugerah ini.

"Kita akan terus melangkah ke hadapan untuk mencapai pengiktirafan seterusnya iaitu Anugerah Developing Smart City pada masa akan datang.

"Pelbagai usaha telah dilaksanakan MBMB dalam mencapai kriteria tersebut seperti pemasangan teknologi dalam sistem trafik di kawasan bandaraya, stesen pengesan pintar, pengesan banjir serta banyak lagi," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri Karnival ICT dan Inovasi Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) 2024 diadakan di Dataran Memorial Pengisytiharan Kemerdekaan, di sini, 22 Jun lalu.

Karnival itu telah dirasmikan Timbalan Exco Perumahan, Kera-



**SHADAN mengiringi Zulkiflee ketika melawat ke pameran kereta elektrik pada karnival berkenaan.**

jaan Tempatan, Saliran, Perubahan Iklim dan Pengurusan Bencana negeri, Datuk Zulkiflee Mohd Zin mewakili Ketua Menteri, Datuk Seri Utama Ab Rauf Yusoh.

Sebelum ini, media melaporkan, program Penarafan Bandar Pintar Malaysia terdiri daripada

empat tahap iaitu Smart City Early Adopter, Developing Smart City, Leading Smart City dan Visionary Smart City.

Penarafan program itu adalah julung kali diperkenalkan melalui PLANMalaysia sebagai sebahagian daripada pelaksanaan Rangka

Kerja Bandar Pintar Malaysia 2019-2025.

Ia bertujuan mengiktiraf peranan pihak berkuasa tempatan (PBT) yang telah melaksanakan inisiatif Bandar Pintar berpandukan indikator dalam Malaysia Standard (MS) ISO 37122:2019.